

IM PILIH V4 21 [e-mel]

PENYEDIAAN tempat yang sesuai dan selesa untuk membaca serta bekerja di rumah penting supaya fungsinya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Ruang atau sudut berkegunaan boleh dipelbagaikan fungsinya bukan semata-mata untuk menelaah pelajaran, membaca buku atau majalah, tetapi sesuai dijadikan tempat menghayati muzik.

Pembentukan ruang atau sudut bacaan perlu mengambil kira beberapa perkara termasuk kesesuaiannya, perabot atau kelengkapan, aspek penataan cahaya dan keselesaan sepanjang masa.

Biasanya reka bentuk ruang atau sudut bacaan membatikan penjuru iaitu binaan khusus menghadap dinding atau almari.

Bilik tidur juga sesuai dijadikan ruang bacaan dengan mengubah suai kedudukan perabot untuk memberikan keselesaan atau laluan pergerakan lebih terancang.

Keselesaan antara elemen terpenting bagi mereka yang gemarkan ceruk atau sudut dinding sebagai ruang membaca.

Fikirkan kemasan lembut, redup dan mempunyai nilai estetika seperti gubahan bunga segar, haruman aromaterapi serta kusyen hiasan untuk mencipta ketenangan.

Dari segi pilihan perabot dan

Membentuk sudut bacaan

Kamar tidur juga sesuai dengan mengubah kedudukan perabot untuk berikan keselesaan



DWIFUNGSI...ruang tamu sekali dengan sudut santai dan bacaan.

kelengkapan termasuk kerusi umpamanya, perlu difikirkan sama ada ia selesa atau sebaliknya kerana ia digunakan dalam tempoh yang lama.

Kehadiran beberapa aksesori hiasan seperti bantal hiasan kecil dan besar penting untuk anda yang membaca atau menyiapkan tugas pejabat dalam keadaan duduk dan meniarap.

Sementara itu, meja sisi juga penting sebagai tempat meletakkan secawan kopi atau menjadi tempat meletak buku sementara.

Aspek penataan cahaya tidak kurang penting kerana suasana terang perlu diwujudkan supaya suasana membaca dan menyiapkan tugas lebih



MANFAAT...ruang sempit tampil berbeza dengan kreativiti untuk sudut bacaan dan ruang makan.

praktikal.

Bagaimanapun, kurang pencahayaan boleh menyebabkan anda cenderung mengalami masalah penglihatan dan mengantuk kerana membaca buku dalam keadaan cahaya malap.

Membaca ketika siang pula memadam dengan hanya bertemankan cahaya dari luar jika keadaan ruang bacaan itu mempunyai sistem pencahayaan semula jadi yang sempurna.

Kemasan langsir atau bidai pada tingkap pula berperanan menapis cahaya matahari yang terlalu terik terpancar terus ke

ruang bacaan itu.

Dicadangkan supaya memilih lampu jenis ringkas mudah alih khususnya lampu meja bagi memudahkan anda mengubah kedudukan ketika membaca.

Bagi kediaman yang berkeluasan terhad, membina sempadan untuk ruang bacaan amat digalakkan menerusi tirai, bidai atau pemidang kayu.

Mencipta sempadan adalah untuk menunjukkan perbezaan fungsi ruang selain memberi peluang anda menggunakan sepenuhnya ruang atau sudut bacaan tanpa gangguan.

Panduan